

Hala tuju sebagai tunjang kemajuan

UB 16.1.2019 A6

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Amanat Menteri Pendidikan Malaysia Dr Maszlee Malik yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang baru-baru ini mendapat reaksi positif daripada pelbagai pihak.

Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), amanat itu juga disambut baik oleh pengurusan tertinggi universiti yang turut mengikuti setiap kata-kata yang dilafazkan sepanjang tempoh lebih sejam amanat itu berlangsung.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Datuk K Y Mustafa menyifatkan amanat itu sungguh jelas dan harus dilaksanakan dengan sempurna.

“Saya melihat apa yang dikatakan menteri berhubung autonomi dengan bertanggungjawab yang memerlukan etika dan integriti untuk dilaksanakan adalah antara dua perkara yang perlu dititikberatkan.

“Saya juga melihat kewajaran yang tinggi apabila Dr Maszlee menyentuh keutamaan terhadap menaikkan martabat pengajaran Bahasa Inggeris kerana sememangnya untuk bersaing di peringkat antarabangsa, kita perlu menguasai bahasa pertuturan global ini yang turut digunakan meluas sebagai bahasa penulisan ilmu dan bahasa urusan perniagaan,” katanya sambil menyatakan perkongsian penutup amanat Maszlee mengenai kisah dan jasa guru beliau ketika di bangku sekolah sebagai sesuatu yang sangat memberi inspirasi dan perlu dicontohi.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, empat hala tuju yang disebut Menteri Pendidikan untuk universiti awam dan institusi pengajian tinggi akan dijadikan sebagai tunjang dalam usaha UMS untuk terus melangkah maju ke hadapan.

Bagi Prof Dr Rasid Hj Mail, hala tuju sektor pendidikan Malaysia menunjukkan kematangan bila mana amanat Menteri Pendidikan menyentuh isu dasar.

“Ia bukari sahaja mencakupi aspek perkakasan seperti infrastruktur, tetapi



KAMARUDIN

RASID

ISMAIL



JAKARIA



VINA



AZAN

menjadi asas ke arah sebuah universiti awam berinovatif sehingga ke peringkat global sesuai dengan visi UMS sejak awal penubuhan.

“Justeru, adalah menjadi harapan saya agar semua pemegang taruh yang terlibat akan dapat menjadikan perkara ini sebagai suatu dorongan sekali gus agar kita semua bersama-sama dapat merealisasikannya. Syabas saya kepada Yang Berhormat Dr Maszlee,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

“Di peringkat IPT, penekanan aktiviti penyelidikan yang berimpak kepada masyarakat dan negara merupakan mesej yang jelas mengangkat martabat sektor pendidikan negara dalam agenda pembangunan.

“Untuk negeri Sabah, pendekatan mesra rakyat dan orientasi pelajar memberi sinar baharu kepada penambahbaikan kualiti pendidikan luar bandar.

menitikberatkan aspek perisian yang bersangkutan transformasi penyampaian, isu sistem nilai, kasih sayang, saling menghormati dan kelestarian,” katanya.

Jelas beliau, warga pendidik mempunyai landasan kukuh untuk mempertahankan pendidikan sebagai medium penting pembangunan negara dan generasi masa hadapan.

“Di peringkat IPT, penekanan aktiviti penyelidikan yang berimpak kepada masyarakat dan negara merupakan mesej yang jelas mengangkat martabat sektor pendidikan negara dalam agenda pembangunan.

“Untuk negeri Sabah, pendekatan mesra rakyat dan orientasi pelajar memberi sinar baharu kepada penambahbaikan kualiti pendidikan luar bandar.

“Melalui keberdayaan yang diberikan kepada pelajar seperti perwujudan ‘Student

Akses, inklusiviti, autonomi antara boleh ubah yang memberi sinergi halal tuju pendidikan negara dalam tahun 2019,” katanya yang juga timbalan naib canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Ismail Ali memuji amanat Maszlee yang dikatakannya bersifat holistik dengan menyentuh hak pelajar secara spesifik.

Beliau berkata, pemerkasaan siswa-siswi menepati ciri-ciri melahirkan kumpulan pelajar yang kelak akan berada dalam keadaan lebih bebas tapi terkawal untuk perdebatan ilmu dalam bilik kuliah dan ruang legar terbuka.

“Melalui keberdayaan yang diberikan kepada pelajar seperti perwujudan ‘Student



MUSTAFA (dua dari kiri) turut hadir mendengar amanat Menteri Pendidikan Malaysia. Turut kelihatan Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah Datuk Dr Yusof Yacob (dua dari kanan).

Corner’, pelajar pastinya akan terpantul mindanya dan teruji pemikirannya dalam perdebatan kritis yang matang.

“Apabila mereka bergraduat kelak, mereka akan lebih bersedia untuk memasuki pasaran kerja yang memerlukan tenaga kerja yang proaktif dan responsif,” tambahnya.

Pendaftar UMS Vina Zahriani Yusof pula berkata, amanat itu sangat bertepatan dengan keadaan semasa terutama sekali berkaitan peranan universiti dalam menghasilkan graduan holistik.

Menurut beliau, penekanan kecintaan terhadap ilmu menjadikan universiti sebagai tempat yang membahagiakan

kepada pelajar dan diharap ia akan menjadi pemangkin terhadap landskap pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik serta menghasilkan graduan yang lebih menghargai pengalaman pencarian ilmu di universiti.

“Kuasa autonomi dan akauntabiliti yang diberikan kepada sekolah dan universiti, amat bersesuaian terutama dalam usaha universiti memindahkan ilmu kepada masyarakat.

“Melalui kuasa autonomi dan akauntabiliti ini, universiti boleh menyediakan acuan yg lebih sesuai, lebih dekat

dengan keperluan dan masalah masyarakat setempatnya,” ujarnya.

Timbalan Pengarah (Komunikasi Korporat) Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat Dr Jakarta Dasan pula tertarik dengan kaitan antara pendidikan dengan Wawasan 2020 yang disebutkan Maszlee.

“Sudah kena pada masanya untuk mengimbau kembali mengenai pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ada hubungkaitnya dengan Wawasan 2020 yang dicetus oleh Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad yang kini menjelang tiba kurang dari 12 bulan.

“Para pendidik selaku agen perubahan yang mampu menjadikan masyarakat ini sebagai masyarakat yang maju perlu sedar akan keharmonian antara Falsafah dan Wawasan 2020. Bak kata Yang Berhormat Menteri, guru adalah titik mula, yakni teras yang menunjukkan jalan sebenar menuju ke tahun 2020,” katanya.

Menyedari hal itu, Jakarta berkata guru atau kumpulan pendidik perlumemakmurkan hubungan dua hal yang bukan hanya memberi didikan ilmu kepada pelajar tetapi juga menjadikan guru itu ilmuan yang terbilang.

“Amanah” menteri adalah semata-mata untuk kecemerlangan pendidikan negara Malaysia yang maju lagi berjaya,” tambahnya.

Staf Akademik UMS Dr Mohd Nor Azan Abdullah, amanat itu disifatkannya sebagai amanat yang terbaik.

Ujarnya, penekanan pendidikan untuk semua merupakan titik asas memanusiakan manusia melalui ilmu dan sifat ingin tahu seperti yang dinyatakan oleh menteri dalam konsep memanusiawi manusia.

“Pengantarabangsaan universiti dalam bidang kepakaran ilmu akan meletakkan universiti sebagai jaguh ilmu sejagat dan bukan lagi sebagai jaguh di peringkat tempatan sahaja.

“Universiti jaguh ilmu sejagat akan menjadi rujukan utama sejagat sebagai medan intelektual antarabangsa,” katanya.

Beliau yang juga Exco Universiti-Universiti Awam Malaysia berkata, pendidikan adalah tanggungjawab semua dalam melahirkan ‘cendikiawan awam’ dan sebagai penyelesai masalah masyarakat.

“Sistem pendidikan dalam masa yang sama memupuk rasakasih sayang, kebahagiaan dan saling menghormati serta institusi menjadi tempat yang membahagiakan.

“Amanah” menteri adalah semata-mata untuk kecemerlangan pendidikan negara Malaysia yang maju lagi berjaya,” tambahnya.